

- 1) Padankan kerjaya dalam bidang reka bentuk fesyen dengan pernyataan yang betul

(a) Pereka fesyen	Memberi khidmat nasihat dan perundingan kepada pelanggan
(b) Peramal fesyen	Mereka bentuk fesyen pakaian dan aksesori
(c) Perunding imej	Membuat ramalan fesyen yang akan popular pada masa akan datang

- 2) Padankan jenis reka bentuk fesyen dengan contohnya yang betul

Aksesori	Sarung tangan
Pakaian	Skirt
	Beg
	Skaf
	Blaus
	Baju-T

- 3) Lengkapkan rajah yang berikut mengenai teknik cantuman yang digunakan dalam proses penyediaan reka bentuk fesyen



- 4) Padankan teknik cantuman dalam reka bentuk fesyen yang berikut dengan pernyataan yang betul

(a) Tampalan	Menyusun bahan yang hendak ditampalkan mengikut guntingan fabrik, kulit atau bahan lain
(b) Sulaman	Menyambung atau menyatukan beberapa potongan fabrik supaya menjadi satu bentuk yang dikehendaki
(c) Jahitan	Menggunakan teknik sulaman biku atau kerawang, teknik <i>applique</i> dan teknik sulaman manik

- 5) Padankan jenis alatan dalam proses penyediaan reka bentuk mengikut kategori yang betul

(a)Pita pengukur
(b)Pembaris melengkung
(c)Roda surih

Alatan mendraf
Alatan mengukur
Alatan menanda

- 6) Maklumat yang berikut adalah beberapa jenis alatan yang digunakan dalam penghasilan reka bentuk fesyen

A	Alatan memotong
B	Alatan mendraf
C	Alatan mengukur

Tuliskan **A**, **B**, dan **C** pada ruang yang disediakan untuk menerangkan kegunaan alat tersebut.

- (a)Untuk mengambil ukuran dan menghubungkan garis panjang
(b)Untuk mendapatkan sudut 90°, pembaris melengkung digunakan untuk membuat garisan melengkung
(c)Untuk menggunting fabrik

7)

Jidal disarung di jari tengah pada tangan yang menjahit bagi mengelakkan jari tercucuk jarum

Tandakan (√) pada alatan yang ada dalam kelompok yang sama dan tandakan (X) pada pernyataan yang tidak berkaitan

(a)Mesin jahit

(b)Jarum jahit

(c)Roda surih

- 8) Tandakan (√) pada pernyataan yang betul mengenai elemen garisan dalam reka bentuk fesyen dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah

- (a)Garisan mendatar memberi kesan rendah atau tinggi
(b)Garisan menegak memberi kesan panjang, tinggi atau langsing
(c)Garisan melengkung melambangkan ketenangan dan kesenyapan
